




# Kepimpinan Berteraskan Islam



**Mohd Shukri Hanapi**

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia

**K**eunggulan kepimpinan Rasulullah SAW dan khalifah al-Rasyidin telah terbukti sejak dahulu lagi. Mereka bukan mengejar pangkat, kedudukan, pujian, kesenangan dan kekayaan yang berlipat ganda, tetapi lebih mengharapkan keredaan Allah SWT. Hal ini berbeza dengan imej kepimpinan masa ini. Lazimnya kepimpinan sering dijadikan platform untuk mencari kedudukan, pangkat, kesenangan dan kekayaan. Seseorang pemimpin itu kadangkala dilihat berlagak seolah-olah dia paling berkuasa dan mampu mengatur, serta melakukan segala-galanya.



Jika disoroti sejarah kepemimpinan Rasulullah SAW dan para sahabat, kita akan dapati tasawur atau acuan kepemimpinan mereka berteraskan tauhid atau keesaan terhadap Allah SWT. Oleh sebab itu, tidak timbul sebarang masalah pada peringkat operasi kepemimpinan mereka, seperti mengejar kedudukan, pangkat, pecah amanah, ketidakadilan, rasuah, penipuan dan penindasan.

Secara mudahnya, tauhid merupakan asas keimanan dan keyakinan manusia tentang kewujudan dan keesaan Allah SWT. Mereka mengaku bahawa Allah SWT ialah Pencipta, Pemilik dan Penguasa mutlak alam ini. Allah SWT sahaja yang wajib disembah dan ditaati. Oleh itu, tauhid diletakkan sebagai tasawur atau acuan kepemimpinan dalam Islam. Dengan kata lain, tauhid merupakan pendekatan yang meletakkan aspek *Rabbaniyyah* (ketuhanan) sebagai paksi atau tunjang bagi segala usaha yang bersangkutan dengan kepemimpinan. Apabila tauhid menjadi tunjang bagi aspek kepemimpinan, maka aspek lain seperti fiqah dan akhlak akan bernaung di bawahnya.

Peletakan tauhid sebagai falsafah kepemimpinan ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud, "(Dialah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah Dia mempunyai anak sedangkan Dia tidak mempunyai isteri? Dia pula menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala-galanya. Yang demikian (sifat-sifat-Nya dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepada-Nya. Dan (ingatlah) Dialah yang mentadbirkan segala-galanya." (*Surah al-An'am* 6:101-102).

Tujuan tauhid diletakkan sebagai tasawur kepemimpinan adalah untuk menjadikan kepemimpinan yang diterajui berada dalam lingkungan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT, dan sentiasa mengesakan-Nya. Dari sudut yang lebih luas dan mendalam, konsep tauhid bertujuan untuk menjalinkan hubungan antara manusia dengan Penciptanya (*hablun min Allah*) dan hubungan sesama manusia (*hablun min al-nas*). Tauhid bukan sekadar satu kalimat, tetapi juga pengajaran

falsafah untuk membuat perhubungan sesama manusia dengan berpaksikan perhubungan dengan Allah SWT.

Oleh itu, dengan berpaksikan tauhid, manusia tidak akan takut dan sewenang-wenangnya mengabdikan diri kepada sesama manusia, tetapi hanya takut dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Malah, manusia tidak bertindak dengan sesuka hati tanpa memikirkan pembalasan daripada Allah SWT di dunia dan di akhirat. Sebenarnya hal ini menggambarkan fungsi manusia sebagai pelaku pembangunan (khalifah) yang menjalankan tugasnya (hubungan sesama manusia), dan lebih tinggi lagi sebagai hamba yang patuh pada perintah Allah SWT (hubungan dengan Pencipta). Hal ini bererti konsep tauhid telah meletakkan kedudukan manusia pada tahap yang sebenarnya dalam alam ini, dan menerangkan mengapa dan untuk apakah manusia diciptakan oleh Allah SWT.

Terdapat tiga perkara asas dalam konsep tauhid, iaitu iman (kepercayaan), ilmu (pengetahuan) dan amal (perlakuan). Iman sangat penting kerana membawa maksud kepercayaan dari hati tanpa ragu-ragu yang kesannya dapat dilihat pada pemikiran, tingkah laku dan kelakuan manusia dalam kehidupan seharian. Ilmu pula merupakan pengetahuan yang sebenar hasil daripada kepercayaan (iman) yang sebenar, manakala amal (perlakuan) yang dibataskan dengan ilmu dan iman itu akan dihitung oleh Allah SWT sebagai ibadat.

Apabila konsep tauhid dalam tasawur Islam difahami dengan jelas dan diterapkan dalam aspek kepemimpinan, maka Islam akan dihayati dengan sepenuhnya. Setiap perubahan yang berlaku dalam aspek kepemimpinan juga akan menjurus kepada penghayatan Islam. Oleh itu, tauhid wajib diterapkan dalam semua aktiviti kehidupan manusia termasuk bidang kepemimpinan. Untuk itu, pemimpin diwajibkan untuk mencorakkan kehidupan diri, masyarakat dan negara mengikut konsep tauhid. Pengabdian diri kepada Allah SWT dalam urusan kepemimpinan adalah untuk memandu seseorang pemimpin ke arah mencapai kecemerlangan yang mutlak dan berkekalan.



Tauhid menekankan ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagai nilai utama yang mengatasi segala nilai lain yang diwujudkan dalam sistem organisasi kepimpinan. Hal ini memberikan implikasi bahawa setiap pekerjaan adalah untuk kebaikan manusia dengan matlamat untuk mendapat keredaan Allah SWT, bukan kebendaan. Dalam diri dan jiwa setiap pemimpin Muslim, terbentuk keyakinan bahawa Allah SWT itu pemilik mutlak segala ciptaan-Nya. Segala hasil kekayaan, harta dan sumber di bumi hanya milik-Nya. Pemimpin merupakan khalifah di muka bumi yang diamanahkan untuk menjaga dan mengurus semua hasil di bumi ini secara baik dan hak.

Sebagai pemegang amanah Allah SWT, manusia perlu menggunakan segala ilmu, harta, kemahiran dan keseluruhan dirinya untuk kepentingan ummah. Kerja dan kegiatan merupakan satu proses ibadat. Motivasinya pula bukan ganjaran dunia, tetapi pengharapan balasan di akhirat. Dengan berasaskan paradigma tauhid, setiap pemimpin Muslim menyedari bahawa kehidupan di dunia mempunyai tujuan lebih jauh dan tinggi daripada

kesenangan di dunia, iaitu untuk mencapai keredaan Allah SWT.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat; dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan." (*Surah al-Qasas* 28:77).

Bagi menunaikan tanggungjawab ini, setiap pemimpin Muslim mesti melengkapkan diri dengan ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Kedua-dua bahagian ilmu ini tidak boleh dipisahkan kerana berkaitan rapat dengan konsep perhambaan dan pengurusan kepimpinan di bumi Allah SWT. Seseorang pemimpin Muslim diwajibkan mempelajari dan menguasai ilmu fardu ain, seperti akidah (tauhid), fiqah dan akhlak agar mampu menjadi seorang hamba yang baik dan taat

Dalam diri dan jiwa setiap pemimpin Muslim, terbentuk keyakinan bahawa Allah SWT itu pemilik mutlak segala ciptaan-Nya. Segala hasil kekayaan, harta dan sumber di bumi hanya milik-Nya. Pemimpin merupakan khalifah di muka bumi yang diamanahkan untuk menjaga dan mengurus semua hasil di bumi ini secara baik dan hak.



kepada Allah SWT. Demikian juga mereka diwajibkan mempelajari ilmu fardu kifayah seperti kepemimpinan dan pembangunan bagi melengkapkan diri untuk mengurus dan membangunkan bumi Allah SWT.

Oleh itu, kedua-dua ilmu ini perlu dikuasai secara seimbang dengan kefahaman yang betul. Ilmu yang benar menjadi asas kepada amal manusia. Pemimpin Muslim yang mengambil kira konsep tauhid (ilmu fardu ain) akan memastikan ilmu kepemimpinan (ilmu fardu kifayah) yang dimiliki dapat meningkatkan kualiti ibadat dan menjadi hamba yang bersyukur, serta diredai Allah SWT.

Keyakinan dan ilmu sebegini seterusnya membawa kepada perlakuan amal soleh yang diterjemahkan dalam hubungan manusia dengan Allah SWT (*hablun min Allah*), hubungan sesama manusia (*hablun min al-nas*) dan juga hubungan dengan alam semesta. Nilai ketuhanan dan kemanusiaan yang bersifat intrinsik (dalaman) mahupun ekstrinsik (luaran), seperti beriman, takwa, berilmu, adil dan amanah yang terkandung dalam akhlak Islam akan mendasari perlakuan pemimpin Muslim dan segala tindakan mereka dalam aktiviti kepemimpinan. Segala perlakuan dan aktiviti kepemimpinan dilingkungi dengan elemen pahala dan dosa. Dengan kata lain, konsep *ubudiyah* (perhambaan) menjadi teras terhadap perlakuan dan aktiviti pemimpin Muslim. Peletakan tauhid sebagai tunjang dalam aspek kepemimpinan itu akan memberikan implikasi terhadap empat aspek berikut:

**1 Aspek akhlak.** Paradigma tauhid yang menunjangi sistem kepemimpinan Islam berperanan sebagai acuan bagi pembentukan tingkah laku dan segala tindakan yang bakal dilakukan. Dalam hal ini, setiap pemimpin Muslim meyakini hakikat penciptaan manusia sebagai khalifah di muka bumi dan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan. Dengan itu, wujud perasaan tanggungjawab dalam diri untuk menyempurnakan amanah yang telah diberikan.

Prinsip yang terkandung dalam paradigma tauhid juga dapat membimbing dan menjadi benteng teguh dalam diri seseorang pemimpin Muslim agar tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syarak, seperti aktiviti rasuah, penipuan, perjudian, penindasan dan segala aktiviti yang jelas diharamkan dalam Islam. Sebaliknya, nilai positif dan akhlak mahmudah, seperti amanah, jujur, adil,

bertanggungjawab dan prihatin akan lahir dari dalam diri mereka.

**2 Aspek rohani.** Islam tidak memisahkan antara urusan kepemimpinan dengan nilai agama. Oleh itu, melalui paradigma tauhid, tuntutan rohani dan spiritual pemimpin Muslim dapat diharmonikan. Matlamat akhir difokuskan ke arah mencapai keredaan Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (antara seluruh umatku) orang Islam yang awal pertama – (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya)." (*Surah al-An'am* 6:162-163).

**3 Aspek intelek.** Kepimpinan berteraskan tauhid juga mampu melahirkan pemimpin yang berilmu dan beriman kepada Allah SWT. Pemimpin Muslim yang mendalami ilmu fardu ain dan fardu kifayah mampu menjadikannya seorang pemimpin yang bukan sahaja mengetahui selok-belok hukum yang berkaitan dengan ibadat, malah segala yang berkaitan dengan aktiviti kepemimpinan seperti perkara yang dibenarkan dan diharamkan dalam Islam.

**4 Aspek jasmani.** Kepimpinan berteraskan tauhid berupaya melahirkan pemimpin yang berjaya di dunia dan di akhirat. Sumber kekayaan diuruskan secara cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran dan memperoleh keuntungan.

Tauhid mengajar manusia pendekatan berharmoni dengan segala kejadian Allah SWT yang lain seperti sumber alam dan tumbuh-tumbuhan. Meskipun semua kejadian di bumi dicipta untuk keperluan dan kegunaan manusia, namun manusia mesti menggunakannya dengan beretika supaya tidak mendatangkan akibat buruk terhadap kehidupan manusia.

Sememangnya peletakan tauhid sebagai tasawur kepemimpinan Islam itu menjadi satu kewajipan. Hal ini bagi memastikan sesebuah kepemimpinan itu dinilai sebagai ibadat melalui pendekatan fiqah. Bahkan, kepemimpinan itu juga dapat dilaksanakan dengan penuh jujur, amanah dan bertanggungjawab melalui pendekatan akhlak. Dengan ini terbentuklah satu kerangka kepemimpinan yang kukuh dan jitu, diredai Allah SWT, dan seterusnya mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. 🕌